

STRATEGI KOMUNIKASI PEMUJUKAN PENDAKWAH DALAM PENYAMPAIAN MESEJ ISLAM KEPADA MASYARAKAT ORANG ASLI DI SELANGOR

Zulkefli Aini¹, Abdul Ghafar Don¹, Ahmad Irdha Mokhtar¹, Nur Uswah
Ahmad Fauzi²

¹ Centre for Human and Community Wellbeing, Faculty of Islamic Studies, The National University of Malaysia (UKM).

² Graduate in Islamic Studies (Islamic Da'wah and Leadership Studies), Faculty of Islamic Studies, The National University of Malaysia (UKM). Email: uswah_usim@gmail.com

Corresponding author: Zulkefli Aini. Centre for Human and Community Wellbeing, Faculty of Islamic Studies, The National University of Malaysia (UKM). 43650 UKM Bangi, Selangor. Tel: (+60) 0122260594. Email: zulaini@ukm.edu.my

ABSTRAK

Proses komunikasi dalam penyampaian mesej dakwah terhadap masyarakat Orang Asli memerlukan usaha dakwah yang berterusan sebagai panduan ke arah perubahan positif untuk mengamalkan ajaran Islam yang sebenar. Oleh itu, artikel ini bertujuan mengenalpasti strategi komunikasi dakwah secara pemujukan yang dilakukan oleh pendakwah yang berdakwah kepada masyarakat Orang Asli di negeri Selangor. Bagi menyempurnakan penulisan ini, kajian telah dilakukan secara kualitatif dengan menggunakan reka bentuk kajian kes. Data-data diperolehi melalui temubual mendalam secara separa struktur yang dilakukan bersama peserta kajian yang terdiri daripada sembilan orang pendakwah. Mereka dipilih secara bertujuan dengan kriteria tertentu seperti tempoh penglibatan dalam dakwah Orang Asli melebihi sepuluh tahun. Mereka ialah Penggerak Masyarakat Orang Asli (PMOA) lantikan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Panel Dakwah Mualaf (PDM) lantikan Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), ahli Persatuan Kebajikan dan Pengurusan Islam Orang Asli Selangor dan Yayasan al-Khalifah. Data-data dianalisis secara tematik menggunakan teknik manual dengan prosedur tertentu mengikut objektif dan tema tertentu yang dipersetujui. Hasil kajian mendapati pendakwah menggunakan tiga strategi dalam proses komunikasi pemujukan ketika menyampaikan dakwah kepada Orang Asli, iaitu autoriti pendakwah, kredibiliti pendakwah dan aplikasi perubahan. Penulisan ini mempunyai kepentingan daripada sudut merangka pendekatan komunikasi dakwah berkesan ketika menyampaikan mesej Islam kepada masyarakat Orang Asli.

Kata Kunci: *Persuasif; Komunikasi; Dakwah; Pemujukan; Orang Asli*

(PERSUASIVE STRATEGIES USED BY MUSLIM PREACHERS IN DELIVERING ISLAMIC MESSAGES TO THE ORANG ASLI COMMUNITY IN SELANGOR)

ABSTRACT

The communication process in delivering da'wah messages among the community of indigenous peoples (Orang Asli) demands continuous da'wah efforts to impact positive changes on the practice and appreciation of Islamic teachings. This article is to identify Muslim preachers' persuasive strategies in communicating da'wah among the community of indigenous peoples in Selangor. The study was a qualitative study which utilised the case study design. Data were collected using semi-structured interviews. Nine research participants were purposely selected, comprising the Community Development Officers for Indigenous People or Penggerak Masyarakat Orang Asli (PMOA) and the Revert Preachers Panel or Panel Dakwah Mualaf (PDM), representatives from the Association of Muslim Welfare and Management for Orang Asli Selangor or Persatuan Kebajikan dan Pengurusan Kebajikan Orang Asli Selangor (PKPI) and al-Khalifah Foundation (Yayasan al-Khalifah) which has been involved in preaching Islam to the indigenous peoples community. The data from interviews were analysed using thematic method which included transcription and reduction. The study found that the preachers' persuasive strategies in communicating da'wah included the authority of preachers through the appointment and cooperation with Islamic institutions, the credibility of preachers encompassing knowledge, intentional preaching, spiritual practices, and noble character, and the application of changes covering cognitive, behavioural, and emotional aspects. Hence, the proponent approach, as a strategy in communicating da'wah among the indigenous peoples community, can shape the thinking, appreciation, and practice of Islamic teachings. The study has significant implications towards relevant government agencies such as the Department of Islamic Development Malaysia, State Islamic Religious Councils, and non-governmental organisations in their effort to enhance the effectiveness of the da'wah movement among the indigenous peoples community.

Keywords: *Persuasive, Communication, Indigenous People, Da'wah, Preacher*

Received: October 25, 2018

Accepted: January 2, 2019

Online Published: June 13, 2019

1. Pendahuluan

Laporan Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA, 2014) bagi penduduk negeri Selangor menyatakan bahawa jumlah komuniti masyarakat Orang Asli di negeri ini ialah seramai 19,761 orang. Daripada jumlah tersebut terdapat seramai 5,465 orang atau 27.6% telah memeluk agama Islam (JAKIM, 2015). Data tersebut memberi indikasi bahawa kuantiti pengislaman dalam kalangan masyarakat Orang Asli masih rendah dan perlu dipertingkatkan. Ini diperkuatkan dengan dapatan kajian Ramle (2015) yang menunjukkan bahawa kualiti pengetahuan dan penghayatan terhadap ajaran Islam dalam kalangan masyarakat Orang Asli muslim juga berada di tahap minima sama ada dalam bidang akidah atau syariah. Dapatan tersebut juga selari dengan pandangan Abdul Ghafar Don (2014) yang menyimpulkan bahawa kesedaran

tentang pengamalan dan penghayatan Islam dalam kalangan Orang Asli secara umumnya masih berada di tahap yang minima. Aspek ini termasuklah kemampuan mereka untuk melaksanakan kewajipan terhadap asas-asas ajaran Islam seperti solat, puasa, aqiqah dan korban. Keadaan ini memerlukan usaha yang berterusan secara maksimum di pihak pendakwah untuk membantu mempertingkatkan komitmen Orang Asli muslim terhadap ajaran agama Islam.

Menurut Zulkefli et. al., (2018), salah satu aspek yang boleh diberi perhatian ialah mempertingkatkan kemahiran berkomunikasi yang menekankan beberapa aspek seperti kebolehan menyampaikan idea dengan terang, berkesan dan dengan penuh keyakinan samada secara lisan mahu pun bertulis. Kemahiran berkomunikasi berkesan dalam proses penyampaian mesej kepada sasaran sehingga menyebabkan berlakunya perubahan tingkah laku di pihak penerima, menurut Samsuddin A. Rahim (1993) adalah menepati fungsi komunikasi daripada sudut pemujukan. Sehubungan dengan itu, fokus perbincangan kertas kerja tentang strategi komunikasi dakwah secara pemujukan yang digunakan oleh pendakwah yang terlibat dalam dakwah Orang Asli di negeri Selangor. Ia sebagai usaha mempertingkatkan kualiti pengislaman dalam kalangan masyarakat Orang Asli.

2. Konsep Pemujukan dalam Proses Komunikasi

Trenholm (1989) mengatakan pemujukan ialah satu proses yang berlaku apabila seseorang berucap mempengaruhi nilai, kepercayaan dan sikap pendengar. Hovland, Janis & Kelley (1953) pula mentakrifkan pemujukan dalam konteks fungsi komunikasi sebagai suatu pengucapan berbentuk lisan yang kebiasaannya dilakukan dengan tujuan mengubah tingkah laku individu lain. Manakala Smith (1982) mengaitkan pengertian pemujukan dengan bidang psikologi bahawa pemujukan digunakan sebagai simbol untuk mempengaruhi aspek dalaman dan kesedaran kognitif seseorang secara sukarela setelah menerima dengan baik mesej yang disampaikan.

Aristotal (2014) menyatakan terdapat tiga ciri-ciri dalam komunikasi pemujukan iaitu personaliti pengucap (*ethos*), pujukan emosi pendengar (*pathos*) dan pujukan intelek atau rasional (*logos*). Kajian Petty & Brinol (2009) pula mendapati bahawa orang yang melakukan pemujukan menjadi faktor penting penerimaan individu lain terhadap mesej yang disampaikan secara berkesan. Ini melibatkan kredibiliti dan autoriti sumber yang terdapat dalam pemujukan seperti kepakaran, persefahaman, kejujuran, daya tarikan dan status.

Bettinghaus (1980) menjelaskan keberkesanan komunikasi pemujukan bergantung kepada tahap kepatuhan individu terhadap perubahan tindakan sepertimana yang diinginkan. Perbezaan dari sudut latar belakang seperti umur, jantina, tahap pemikiran dan kerjaya juga perlu diberi perhatian sebelum melakukan pemujukan. Di samping itu, wujudnya persamaan di antara penyampai dengan pendengar, variasi mesej yang disampaikan, gaya penyusunan mesej yang teratur dan kepelbagaian medium yang digunakan secara tidak langsung dapat menyentuh perubahan sikap, emosi dan tingkah laku individu lain.

Penggunaan medium dalam komunikasi pemujukan terdiri daripada pelbagai bentuk. Antaranya ialah komunikasi perseorangan sama ada secara lisan atau bukan lisan dan komunikasi massa seperti internet, televisyen, radio, akhbar dan sebagainya. Namun, penumpuan terhadap komunikasi berbentuk perseorangan ditekankan dalam konteks pemujukan yang bertujuan merangsangkan keyakinan seseorang terhadap kejelasan mesej yang disampaikan secara langsung. Sehubungan itu, penguasaan terhadap kemahiran komunikasi dan kefahaman tentang psikologi dalam pemujukan

mendorong menghasilkan keberkesanan terhadap tindak balas pendengar selepas menyampaikan sesuatu mesej (Zulkefli dan S.Salahuddin 2016).

Menurut Aristotle (2014), strategi pemujukan bertujuan untuk memujuk secara rasional menggunakan hujah yang bernas melalui karakter dan kualiti diri seseorang pemujuk serta memahami emosi sasaran sehingga menimbulkan rasa seronok dan teruja. Khairiah (2016) menjelaskan bahawa pemujukan merupakan suatu komunikasi yang mementingkan aspek kejujuran, kebenaran dan kesahihan sesuatu mesej yang disampaikan.

Dalam konteks dakwah, pendakwah yang melakukan pemujukan seharusnya mempunyai strategi terutama aspek personaliti, bijak memilih mesej dakwah yang ingin disampaikan serta menepati keadaan psikologi dan penerimaan sasaran dakwah. Menurut Achmad Mubarak (1999), aspek pemujukan dalam komunikasi dakwah dikaitkan dengan bidang psikologi. Ini kerana apabila pendakwah berkomunikasi dengan menyampaikan mesej dakwah kepada sasaran dakwah, mereka akan menerima mesej tersebut dengan berfikir tentang kebenaran mesej tersebut dan akhirnya boleh memberikan maklum balas positif terhadap mesej tersebut dan mengamalkannya secara sukarela. Dengan kata lain, interaksi antara pendakwah dengan sasaran dakwah adalah bersifat praktikal dan saling memberi pengaruh terhadap kecenderungan, perhatian, minat, perasaan dan keinginan untuk mengamalkan ajaran Islam tanpa ada unsur paksaan (Arifin 1977). Terdapat elemen pemujukan di dalam al-Quran melalui penggunaan kalimah *Qawl* yang digandingkan dengan kalimah lain bagi menunjukkan perbezaan konteks dan sasarannya (Achmad Mubarak 1999). Sebagai contoh, kalimah *qawlān layyīnā* (kata-kata yang lemah lembut) digunakan kepada pemerintah yang zalim (surah Ṭaha: 43-44), *qawlān balīghā* (kata-kata yang menyentuh jiwa) digunakan kepada manusia munafik (surah al-Nisā': 63), *qawlān maisūrā* (kata-kata yang mudah) digunakan kepada rakyat tertindas dan terpinggir (surah al-Isrā': 28), *qawlān karīmā* (kata-kata yang mulia) digunakan kepada ibu bapa dan warga emas (surah al-Isrā': 23) dan *qawlān sadīdā* (kata-kata yang benar) digunakan kepada masyarakat awam (Surah al-Aḥzāb: 69-70).

3. Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan penyelidikan kualitatif dengan menggunakan reka bentuk kajian kes. Kawasan kajian yang dipilih oleh pengkaji ialah di negeri Selangor di bawah kategori pinggir bandar yang mempunyai kemudahan fasiliti dan kelengkapan yang lebih *advanced* jika dibandingkan dengan negeri-negeri lain (Aisyah Jami'an 2013). Terdapat tujuh daerah yang mempunyai perkampungan masyarakat Orang Asli di Selangor iaitu, Hulu Langat, Sepang, Hulu Selangor, Kuala Langat, Klang, Gombak dan Petaling. Kajian ini melibatkan sembilan orang peserta kajian (PK) yang dipilih secara bertujuan sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 1, iaitu empat orang Pengerak Masyarakat Orang Asli (PMOA) yang berdaftar di bawah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), tiga orang Panel Dakwah Muallaf (PDM) yang berdaftar di bawah Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dan dua orang wakil daripada pertubuhan bukan kerajaan (NGO) iaitu, Persatuan Kebajikan dan Pengurusan Islam Orang Asli Selangor (PKPI) serta Yayasan al-Khalifah (YAK). Pemilihan mereka berdasarkan pengalaman mereka yang melebihi sepuluh tahun dalam pengendalian dakwah masyarakat Orang Asli.

Pengumpulan data kajian dilakukan melalui temu bual mendalam terhadap peserta kajian dengan menggunakan kaedah temubual separa struktur. Pembinaan instrumen soalan temu bual adalah berdasarkan objektif yang ditentukan dengan

bersandarkan tinjauan literatur tertentu. Soalan dibentuk mengikut tema-tema tertentu yang disesuaikan dengan objektif kajian. Ketepatan dan kesesuaian soalan temubual berdasarkan kepada pengesahan dan penilaian yang dilakukan oleh tiga orang ahli akademik daripada Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) yang mempunyai kepakaran penyelidikan dan pengalaman dalam bidang dakwah Orang Asli dan komunikasi dakwah. Data-data kajian yang diperolehi disahkan oleh peserta kajian melalui pengiraan penilaian darjah persetujuan Cohen Kappa. Pengkaji menggunakan kaedah manual dalam penganalisan data kajian dengan pembacaan hasil transkripsi berulang-ulang kali, membuat tanda dan menggaris perkataan, idea dan makna yang membentuk tema dan pola dapatan kajian. Pengkaji membuat interpretasi secara deskriptif terhadap hasil analisis data temu bual bagi melaporkan dapatan kajian dengan disokong oleh sedutan petikan daripada transkrip temu bual subjek kajian.

Jadual 1. Peserta Kajian

Kod	Jantina	Keanggotaan
PK 1	Lelaki	PMOA
PK 2	Lelaki	PMOA
PK 3	Perempuan	PMOA
PK 4	Lelaki	PMOA
PK 5	Perempuan	PDM
PK 6	Perempuan	PDM
PK 7	Perempuan	PDM
PK 8	Lelaki	PKPI
PK 9	Lelaki	YAK

4. Dapatan Kajian dan Perbincangan

Seseorang pendakwah yang melakukan pemujukan seharusnya mempunyai strategi terutama aspek personaliti, bijak memilih mesej dakwah yang ingin disampaikan serta menepati keadaan psikologi dan penerimaan para *mad^cū*. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat tiga strategi pemujukan yang digunakan oleh pendakwah ketika berkomunikasi kepada masyarakat Orang Asli dalam proses dakwah, iaitu dua perkara yang melibatkan mereka sebagai *messenger* dan satu melibatkan Orang Asli sebagai *audience* atau *reciever*. Strategi pendakwah sebagai *messenger* ialah daripada sudut autoriti dan kredibiliti pendakwah. Manakala, strategi daripada sudut Orang Asli ialah berkenaan aplikasi perubahan yang berlaku dalam diri mereka.

4.1 *Autoriti Pendakwah*

Hasil kajian mendapati bahawa pendakwah menggunakan autoriti yang mereka miliki daripada pihak berkuasa yang berkaitan dengan hal ehwal agama Islam seperti JAKIM dan MAIS serta sokongan daripada pihak Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) untuk melaksanakan program-program bersifat keagamaan. Melalui program-program sedemikian, mereka dapat berkomunikasi dengan lebih baik dan berkesan bagi membimbing masyarakat Orang Asli dalam menghayati hidup beragama terutama mereka yang beragama Islam. Tambahan pula penghayatan mereka dalam agama Islam sebagaimana yang dinyatakan oleh Ramlee (2015) adalah berada di tahap yang sederhana kerana mereka masih terikat dengan kepercayaan nenek moyang mereka dan persepsi tentang amalan ritual dalam Islam. PK1, PK3, Pk7 dan PK9 berpendapat

bahawa autoriti mempunyai hubungan dengan kepercayaan masyarakat Orang Asli terhadap mereka sebagai pendakwah yang diberi peranan dan tanggungjawab membimbing dan membantu mereka. Selain daripada itu, masyarakat Orang Asli mengiktiraf kedatangan mereka kerana mereka melibatkan agensi-agensi kerajaan dan swasta dalam meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan taraf hidup mereka. Dengan tidak secara langsung, cara ini dapat mengelakkan keraguan mereka dalam setiap program dakwah yang dilaksanakan.

PK 9 berpandangan bahawa autoriti pendakwah dikaitkan dengan kemahiran mengetahui kaedah-kaedah, pendedahan dan latihan berdakwah untuk memahami tentang adat dan pantang larang berkaitan masyarakat Orang Asli. Ia juga merujuk kepada pendakwah yang berautoriti daripada segi pengetahuan dan tata cara protokol serta birokrasi sebelum dan semasa berdakwah kepada masyarakat Orang Asli. Jika perkara tersebut diabaikan, ia akan mengundang persepsi negatif terutama daripada pihak pimpinan kampung seperti Tok Batin. Kajian Ahmad Redzuwan (2008) mendapati bahawa masyarakat Orang Asli yang mempunyai hierarki tertentu dalam struktur masyarakat mereka seperti Tok Batin dan Tok Jenang membolehkan sesiapa yang berurusan dengan mereka dapat mengenali tugas dan peranan setiap mereka serta memudahkan untuk berurusan dengan mereka termasuklah merancang dan melaksanakan program kemasyarakatan.

Oleh itu, pendakwah yang mendapat kepercayaan dalam kalangan masyarakat Orang Asli perlu mempunyai autoriti dalam mengetahui tentang sistem sosial masyarakat tersebut sebagaimana mereka juga perlu mendapatkan kepercayaan daripada pihak berautoriti dalam sistem tersebut. Ini kerana menurut PK 7, pendakwah yang menggunakan pendekatan komunikasi interpersonal yang baik dengan pihak berautoriti dan berpengaruh dalam masyarakat Orang Asli seperti Tok Batin dan Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) boleh mempengaruhi mereka agar menerima kedatangan para pendakwah dan berinteraksi dengan penduduk kampung. Dapatan ini selari dengan pandangan Bettinghaus (1980) yang mengatakan sasaran akan kuat dipengaruhi apabila mereka melihat seorang penyampai yang mempunyai kuasa, status atau pengaruh mendekati mereka. Namun begitu, proses berdampingan dengan individu-individu tersebut memerlukan pendakwah melakukannya sekerap mungkin untuk mengenali mereka secara lebih dekat walaupun mereka telah mengetahui niat pendakwah yang ingin berdakwah kepada mereka.

4.2 Kredibiliti Pendakwah

Kajian mendapati pendakwah menjadikan aspek kredibiliti sebagai strategi mereka berdakwah secara pemujuan dalam proses komunikasi bersama masyarakat Orang Asli. Kredibiliti dalam kajian ini, sebagaimana pandangan PK9, adalah merujuk kepada diri pendakwah yang mempunyai ilmu pengetahuan, matlamat yang jelas dalam dakwah, amalan kerohanian yang mantap dan akhlak yang terpuji.

4.2.1 Berilmu pengetahuan

Dalam konteks ilmu pengetahuan, kajian mendapati bahawa pendakwah perlu meningkatkan ilmu pengetahuan melalui kelas pengajian, pembacaan buku ilmiah, mengikuti perbincangan dalam kumpulan dan kursus-kursus yang dianjurkan oleh pelbagai pihak. Melalui cara ini, menurut PK 2, PK 3, PK 4, PK 5, PK 6, PK 7 dan PK

8, mereka boleh menjawab persoalan yang dikemukakan oleh Orang Asli berkenaan agama Islam. Bagi PK 8 pula, pencarian ilmu pengetahuan tidak hanya terhad kepada ilmu berteraskan keagamaan, tetapi ia mencakupi ilmu kemanusiaan seperti politik dan sejarah. Ini bertujuan menerapkan kebolehan pendakwah untuk memilih bahan-bahan dakwah yang sesuai dengan kehidupan masyarakat dan untuk dijadikan hujah apabila berdialog dengan mereka. Kredibiliti daripada sudut penguasaan ilmu pengetahuan oleh pendakwah juga melahirkan keyakinan di pihak Orang Asli yang mahukan penyelesaian terhadap masalah yang dihadapi. Ini bertepatan dengan pandangan Zaydan (1976) yang menyatakan bahawa pendakwah menggunakan kefahaman yang mendalam tentang ilmu pengetahuan bukan hanya dapat memberi manfaat untuk diri mereka sendiri malah manfaat tersebut mampu disampaikan kepada orang lain.

Menurut PK4 dan PK9, melalui majlis ilmu yang dikendalikan dalam bentuk perbincangan dalam kumpulan antara sesama pendakwah dapat menyusun strategi untuk mempertingkatkan kefahaman ilmu pengetahuan, kualiti keislaman masyarakat Orang Asli dan penghayatan gerak kerja dakwah. Manakala PK1 berpandangan bahawa kursus-kursus yang dikendalikan oleh JAKIM misalnya berkaitan dengan kemahiran dan ketrampilan berbahasa serta perbandingan agama untuk mereka mempunyai kredibiliti dalam menyampaikan mesej dakwah kepada Orang Asli. Pendekatan ini bertepatan dengan kajian Ab. Aziz & Ahmad Redzuwan (2006) yang mendapati bahawa kursus seperti itu merupakan latihan kepada pendakwah supaya lebih fokus kepada gerak kerja dakwah yang mampu meningkatkan kepakaran dan ketrampilan pendakwah untuk lebih proaktif dan berkeyakinan.

4.2.2 Mempunyai matlamat yang jelas dalam dakwah

Menurut Gass & Seiter (2011) matlamat merupakan elemen penting dalam komunikasi pemujuan disebabkan komunikasi ini tidak berlaku secara spontan. Ia melibatkan usaha seseorang secara sedar untuk mempengaruhi pemikiran atau tindakan orang lain terhadap mesej yang disampaikan. Sehubungan dengan itu, menurut PK 5, PK 6 dan PK 8 sebagai pendakwah mereka menetapkan niat di dalam hati bahawa dakwah yang dilakukan kepada Orang Asli adalah refleks terhadap diri mereka sendiri di samping untuk meneguhkan kepercayaan Orang Asli kepada Allah SWT serta membimbing mereka agar mempunyai matlamat yang jelas dalam kehidupan supaya mereka dapat membina tamadun dalam masyarakat melalui pengamalan beragama. Bagi menjayakan matlamat tersebut, menurut PK4, pendakwah perlu memiliki sifat terpuji seperti ikhlas dan rela berkorban dan mengelakkan diri daripada sifat-sifat buruk seperti mudah putus asa, sentiasa mencari kesalahan orang lain dan mengabaikan hal keadaan ummat. Keadaan ini bertepatan dengan pandangan Borg (2010) yang menyatakan terdapat dua kualiti yang ada pada individu yang melakukan komunikasi pemujuan ialah empati dan kejujuran. Kedua-dua kualiti tersebut akan menyumbang kesan komunikasi positif dalam jangka masa panjang. Justeru, pada penelitian PK 9 terdapat sebilangan pendakwah yang hadir ke perkampungan Orang Asli tidak berniat untuk berdakwah sebaliknya untuk memenuhi kepentingan peribadi dan mengambil kesempatan terhadap mereka, seperti untuk mendapatkan herba-herba seperti tongkat ali atau berniat untuk mengugut dengan cara yang kasar supaya Orang Asli memeluk Islam.

4.2.3 Amalan kerohanian yang mantap melalui ibadah yang berterusan

Kajian mendapati kredibiliti pendakwah dalam urusan ibadah menjadi contoh kepada Orang Asli. Ini termasuklah dalam aspek kerohanian. Justeru, dalam kajian Mohd Zain, Asyraf & Mohd Rafi (2015) mendapati bahawa amalan kerohanian boleh mempengaruhi motivasi, keyakinan dan ketahanan diri individu di samping berpegang kepada prinsip akhlak, produktiviti dan tanggungjawab sehingga berjaya mencapai kejayaan dalam bidang yang diceburi. PK 1, PK 5 dan PK 8 mengaitkan aspek kerohanian dengan kawalan emosi dan keyakinan yang tinggi terhadap Allah SWT. Ini kerana emosi pendakwah akan memberi kesan terhadap tindak balas Orang Asli. Selain itu, PK 9 menjelaskan kesedaran kerohanian melalui pemahaman konsep ujian dan matlamat ujian daripada Allah SWT menjadikan pendakwah lebih cekal dan tidak mudah berputus asa. Ujian yang diturunkan kepada pendakwah sebagai manusia biasa bertujuan memperbetulkan kesilapan dan menjadi pengajaran untuk tidak mengulangi perbuatan yang sama.

Selanjutnya, penghayatan terhadap langkah-langkah menghadapi sesuatu ujian mampu meningkatkan keyakinan para pendakwah dan membuat penilaian diri. Keadaan ini bertepatan dengan kajian Jamilah & Engku Ahmad Zaki (2014) yang mendapati sebahagian pendakwah masyarakat Orang Asli tidak mempunyai keteguhan jatidiri melalui amalan ibadah dan kerohanian yang kuat untuk menjalani kehidupan bersama masyarakat Orang Asli yang masih berpegang teguh terhadap adat nenek moyang mereka. Kesannya, mereka mudah disihir oleh Orang Asli sehingga ada yang hampir gila. Sehubungan dengan itu, menurut Suriani et. al (2017), seseorang muslim teramsuklah pendakwah perlu mempunyai kecerdasan kerohanian dalam konteks mempunyai hubungan yang mantap dengan Allah SWT. Ini adalah manifestasi daripada kekuatan unsur dalaman insan *da'i* seperti unsur *al-qalb* dan ia memberikan kesan yang sangat besar kepada dirinya terutama daripada sudut melakukan amal ibadah secara berterusan dengan penuh tanggungjawab.

4.2.4 Akhlak Terpuji

Menurut Zaydan (1976) sebagai pendakwah, penghayatan agama yang terbit dalam jiwa pendakwah menzahirkan akhlak yang tinggi sehingga tidak wujud alasan untuk tidak melakukannya atau tidak bersedia melaksanakannya. Begitu juga dalam konteks berdakwah kepada masyarakat Orang Asli, hasil kajian Ab. Aziz & Ahmad Redzuwan (2006) membuktikan bahawa tingkah laku negatif pendakwah masyarakat Orang Asli seperti mungkir janji, mengganggu gadis Orang Asli dan mencuri merupakan akhlak yang bertentangan dengan Islam sehingga boleh menjejaskan kepercayaan Orang Asli dan memberi kesan negatif terhadap akidah mereka.

Kajian mendapati bahawa akhlak dan pendakwah tidak dapat dipisahkan kerana akhlak merupakan kredibiliti paling utama yang menyumbang keberkesanan ketika berkomunikasi dengan orang lain. Menurut PK 2, PK 3, PK 4 dan PK 7 pendakwah yang berakhlak merupakan pendakwah yang mempunyai kesabaran yang tinggi dan amanah dalam diri mereka ketika melakukan dakwah kepada masyarakat Orang Asli. Ini kerana mereka berinteraksi dengan masyarakat yang berlainan daripada segi kepercayaan, adat dan budaya serta bahasa. Bagi PK 4, pendakwah masyarakat Orang Asli perlu berlawan dengan perasaan negatif seperti mudah putus asa, marah dan tidak sabar dalam melakukan tindakan ketika berkomunikasi dengan mereka. Manakala PK9 pula berpandangan bahawa akhlak penting untuk membina

hubungan yang baik bersama masyarakat Orang Asli dengan mengamalkan sikap ambil peduli tentang kebajikan, kesusahan dan meringankan beban mereka sehingga pendakwah sendiri turut merasai kesusahan mereka. Melalui sikap ini, ia dapat menjauhkan pendakwah masyarakat Orang Asli daripada mempunyai sikap mementingkan diri sendiri. Ini termasuklah menimbulkan rasa kebersamaan dalam program-program yang dijalankan dengan tidak mengasingkan diri daripada mereka. Ia juga dapat menumbuhkan sifat keperihatinan dan kasih sayang kepada mereka terutama untuk membimbing mereka ke arah kebaikan. Walau bagaimanapun, terdapat segelintir pendakwah yang tidak amanah ketika berinteraksi dengan Orang Asli. Menurut PK5, terdapat aduan daripada anak murid Orang Asli bahawa ada pendakwah yang tidak telus dalam menguruskan elau kelas fardhu ain mereka. Perbuatan ini akhirnya akan menjejaskan kepercayaan dan motivasi masyarakat ini untuk terus mempelajari ajaran Islam. Justeru, pendakwah yang mempunyai sifat amanah, sabar, berkasih sayang dan menjaga pergaulan merupakan akhlak yang penting untuk mengangkat kredibiliti pendakwah dalam melaksanakan komunikasi pemujuan. Menurut Azlina (2015), proses komunikasi pemujuan menuntut kesabaran dan tahap fleksibiliti penyampai ketika membuat rundingan dengan orang yang ingin dipujuk. Justeru, penonjolan tingkah laku pendakwah yang mulia mampu membuat sasaran menerima maklum balas dengan hatinya yang terbuka dan dapat mengelakkan sasaran daripada bersifat defensif (Abdullah Hassan 2007).

4.3 Aplikasi Perubahan

Menurut Kruger (2016) para sarjana psikologi berpandangan perubahan sikap seseorang diteliti melalui tiga komponen iaitu kognitif, emosi dan tingkah laku. Perubahan salah satu daripada komponen tersebut akan memberi kesan perubahan terhadap komponen yang lain. Oleh itu, bermula dengan perubahan daripada sudut cara berfikir akan mempengaruhi perasaan dan tingkah laku seseorang. Dengan mengenal pasti aplikasi perubahan kognitif yang membentuk pengetahuan, merangsang emosi dan mendorong tingkah laku pendakwah dapat menentukan reka bentuk dan jenis mesej yang ingin disampaikan oleh pendakwah masyarakat Orang Asli.

4.3.1 Perubahan kognitif membentuk pengetahuan

Kognitif merupakan elemen dalaman yang membentuk kepercayaan dan keyakinan individu terhasil daripada penstrukturan pengetahuan sama ada pengetahuan sedia ada mahu pun pengetahuan baru. Ia disesuaikan mengikut suatu pendekatan yang akhirnya mempengaruhi perubahan perasaan dan tingkah laku individu. Kognitif dalam konteks dapatan kajian menekankan pendekatan membangunkan tahap penguasaan dan kefahaman ilmu pengetahuan Islam masyarakat Orang Asli bagi meningkatkan potensi diri serta menjaga kepentingan kehidupan di dunia dan akhirat sehingga mampu memahami ketauhidan dan mencapai ketakwaan kepada Allah SWT (Razaleigh Muhamat 2014). Kajian mendapati usaha mempengaruhi perubahan kognitif masyarakat Orang Asli memerlukan pendakwah mempunyai daya kreativiti ketika berkomunikasi menyampaikan ilmu pengetahuan dengan mengutamakan kesesuaian tahap pemahaman masyarakat ini terutamanya dalam kalangan Orang Asli dewasa. Ia dianggap sebagai kayu ukur atau penanda aras perubahan yang diinginkan oleh pendakwah dengan sentiasa mengambil peluang dan berkemahiran untuk mematkan hujah secara rasional. Pendekatan perbandingan melalui penceritaan yang mempunyai

nilai positif dapat meningkatkan kepercayaan mereka dan menyumbang kepada keberkesanan mesej yang disampaikan.

Pendekatan mengubah kognitif masyarakat Orang Asli yang dilakukan oleh PK dalam kajian ini ialah melalui penggunaan hujah yang logik, menyalin nota, penceritaan dan mengenal pasti kumpulan sasaran. Menurut PK 3, PK 5, PK 6, PK 7 dan PK 8 pendekatan menggunakan hujah yang logik, penceritaan, gambar atau visual dan pengulangan dapat merangsang pemikiran masyarakat Orang Asli untuk memahami mesej yang disampaikan oleh mereka. Penggunaan hujah yang logik menurut PK memerlukan pendakwah mengambil kira dua perkara iaitu kejelasan mesej yang disampaikan dan tahap kemampuan Orang Asli untuk memahami mesej tersebut seperti dengan memberikan contoh-contoh yang mudah dan berkait rapat dengan kehidupan seharian mereka seperti pokok, sungai dan batu. Dapatan ini selari dengan hasil kajian Mohd Rasdi & Aminuddin (2009) dalam konteks pembelajaran dewasa masyarakat Orang Asli bahawa penerapan sistem pembelajaran hendaklah berfokuskan kepada contoh-contoh benda *maujud* di sekeliling mereka seperti binatang buruan, pokok yang berada di sekeliling mereka dan aktiviti berbantuan alat bantuan mengajar seperti daun, pensil warna, peralatan dapur dan gambar berbentuk grafik seperti kapal terbang dan kereta api. Contoh-contoh tersebut merujuk kepada pengetahuan dan pengalaman sebenar masyarakat Orang Asli yang lebih menarik minat dan kecenderungan mereka untuk mengetahui dengan lebih lanjut tentang mesej yang disampaikan. Ini menunjukkan kehidupan masyarakat Orang Asli yang tidak boleh dipisahkan dengan budaya dan persekitaran yang berhubung kait dengan motivasi pembelajaran mereka (Wan Afizi, Shahrudin & Noraziah 2014; Abdull Sukor et al. 2011). Berdasarkan kajian Mazzlida, Salbiah & Ruhizan (2016) pula dalam konteks masyarakat Orang Asli yang mempunyai pelbagai keunikan budaya dan persekitaran sosial, aspek penerimaan terhadap pembelajaran perlu digabung jalin dengan unsur *ruhiyyah* untuk mempelajari ilmu pengetahuan yang lebih seimbang dan komprehensif.

Menurut PK 2, kaedah untuk menguji kefahaman bagi Orang Asli mualaf dilakukan dengan cara memberikan beberapa soalan berkaitan pelajaran yang telah diajar. Penilaian diberikan terhadap kemampuan mereka menjawab soalan tersebut. Sekiranya mereka tidak boleh menjawab dengan baik beliau akan mengulang semula dengan memberi tumpuan kepada topik yang masih tidak difahami. Tambahan pula, pengulangan yang dilakukan beberapa kali ini menyebabkan proses pembelajaran Orang Asli mualaf tentang suatu topik mengambil masa yang lama. Perkara ini menunjukkan teknik pembelajaran mualaf Orang Asli berbeza dengan mualaf berbangsa lain yang lebih mudah. Selain itu, kajian Mohd Rasdi & Aminuddin (2009) mendapati sesi PdP bagi kaum dewasa Orang Asli yang tidak disertakan dengan pengukuhan yang berterusan akan menyebabkan kelas menjadi jemu dan pasif.

Di samping itu, PK 5 dan PK 6 menggunakan kaedah penceritaan ketika mengajar dalam kelas fardhu ain. Antaranya ialah tentang peristiwa-peristiwa benar yang berlaku di sekeliling mereka seperti kematian atau sakit. Penceritaan yang dibawa oleh mereka dikaitkan dengan nilai dan pengajaran sebagai kesimpulan yang bertujuan memberi keyakinan dan menggalakkan perubahan kepada pelajar Orang Asli. Sebaliknya, bagi PK 4 dan PK 8, mereka menggunakan kaedah mengenal pasti kumpulan sasaran yang mempunyai potensi positif dengan membuat perbezaan di peringkat umur, latar belakang pendidikan dan suasana persekitaran tempat tinggal. Kaedah ini dapat membantu penerimaan terhadap pendakwah itu sendiri dan boleh memberi tumpuan kepada sasaran yang secara tidak langsung dapat mempengaruhi kumpulan yang lain. Ini kerana menurut PK 8, majoriti pelajar Orang Asli yang

dibimbing mempunyai daya fikiran yang tidak kritis. Mereka hanya mengikut-ikut apa yang diajar.

4.3.2 Merangsang emosi

Kajian mendapati terdapat pelbagai faktor untuk mencapai matlamat dalam dakwah, termasuklah penyampaian mesej dakwah yang boleh menyentuh perasaan dalam diri manusia seperti marah, takut, gembira, sedih dan jijik (Ab. Aziz 2001). Kehadiran pendakwah seharusnya menerima maklum balas yang positif daripada sasaran dakwah sehingga mereka secara sukarela untuk melaksanakan sesuatu tindakan ketika diminta. Perbuatan yang melibatkan sentuhan keinsanan, mencari persamaan dan memberi penghargaan akan membuatkan pendakwah dihormati dan disayangi. Sebaliknya, perbuatan yang menyinggung perasaan dan penggunaan bahasa yang kesat akan menyebabkan sasaran dakwah menjauhkan diri daripada pendakwah.

Menurut PK 1, PK 2, PK 3, PK 4, PK 5 dan PK 7 pendakwah perlu berhati-hati ketika berkomunikasi dengan masyarakat Orang Asli terutama ketika menegur kesalahan yang dilakukan ketika proses PdP terutama berkaitan hukum-hukum yang masih belum difahami dengan baik. Tambahan pula, sebagai pendakwah yang mempunyai ilmu pengetahuan dan akhlak perlu berfikir secara matang dalam tindakan dan percakapan mereka supaya tidak menimbulkan persepsi negatif masyarakat Orang Asli terutamanya kepada yang bukan Muslim. PK 1 mengaitkan hubungan pendakwah dengan masyarakat Orang Asli melalui peribahasa bagai 'menatang minyak yang penuh' supaya mereka sentiasa menjaga hati dan perasaan serta tidak menyakiti masyarakat Orang Asli. Ini kerana, personaliti masyarakat Orang Asli yang mudah terasa dan sensitif akan menyebabkan mereka merajuk dan sukar untuk dipujuk.

Ketika berinteraksi dalam proses pdp, pendakwah tidak menegur secara langsung kepada individu tertentu walau pun mereka melakukan sesuatu kesilapan. Menurut PK, teguran yang dibuat adalah secara umum dengan menggunakan bahasa yang lemah lembut. Bagi PK 7, beliau biasanya menggunakan bahasa kiasan yang mempunyai unsur humor untuk mengingatkan tentang sesuatu contohnya tentang perkara yang telah diajar. Keadaan ini mempunyai persamaan dengan hasil kajian Nor Damia (2017) yang menunjukkan bahawa antara ciri-ciri bahasa dalam komunikasi pendakwah masyarakat Orang Asli ialah menekankan aspek bahasa yang sopan dan lemah lembut berserta dengan unsur positif, unsur motivasi, unsur humor dan unsur pujian. Pendakwah juga boleh menggunakan ungkapan-ungkapan pujian dengan menyelitkan perkataan seperti 'cantik', 'boleh' dan 'pandai' bagi mewujudkan kemesraan dengan masyarakat Orang Asli. Malah kata-kata pujian seperti itu merupakan insentif berbentuk penghargaan atau pengiktirafan atas sesuatu tugas yang telah dilaksanakan dengan baik dan ia mampu merangsang keyakinan dan sikap positif masyarakat Orang Asli terhadap kemampuan mereka (Mohd Rasdi & Aminuddin 2009).

4.3.3 Mendorong tingkah laku

Menurut Razaleigh Muhamat, Abdul Ghafar & Anuar Puteh (2013), Orang Asli mualaf menghadapi dilema dalam aspek sosial selepas berlaku pertukaran agama. Ini didorong oleh perubahan tingkah laku untuk mengamalkan ajaran Islam yang dianggap sebagai membuang identiti Orang Asli dan menjadi orang Melayu oleh segelintir masyarakat Orang Asli. Kajian tersebut membuktikan bahawa walaupun

tanggapan masyarakat Orang Asli mengatakan memeluk Islam bermaksud ‘masuk Melayu’, namun interaksi di antara mualaf Orang Asli dengan masyarakat Melayu masih berada di tahap yang minimum. Oleh itu, perubahan tingkah laku ‘baharu’ ini menjadi dilema untuk mengamalkan ajaran Islam seperti solat, puasa dan larangan seperti minum arak dalam kalangan mualaf Orang Asli.

Hasil kajian mendapati PK 2, PK 3, PK 6 dan PK 7 mengatakan sifat malu dan rendah diri masyarakat Orang Asli merupakan tingkah laku utama yang menjadi kesukaran bagi pendakwah untuk memastikan kefahaman mereka tentang subjek yang diajar dalam kelas fardhu ain. Keadaan tersebut termasuklah dalam mengamalkan ajaran Islam seperti solat, berwuduk dan menutup aurat yang hanya diamalkan ketika menghadiri kelas fardhu ain sahaja kerana malu dengan pandangan jiran-jiran yang bukan Islam. Menurut PK 7, beliau menghadapi masalah ketika meminta Orang Asli mualaf untuk hadir ke rumah dan berjumpa secara perseorangan sekiranya mempunyai persoalan atau masalah bagi mengurangkan rasa malu bertanya. Persoalan yang ditanya, antaranya, ialah berkenaan bab solat. Ini kerana walaupun mereka telah lama memeluk Islam tetapi ada dalam kalangan mereka yang lupa bagaimana mahu mengerjakan solat. Penjelasan secara bersemuka membuka ruang yang lebih selesa ketika berkomunikasi berbanding di dalam kelas yang mempunyai kuantiti pelajar yang agak ramai.

PK 1, PK 4 dan PK 5 mengatakan sesuatu perubahan tingkah laku berlaku apabila timbul kesedaran individu Orang Asli mualaf itu sendiri, misalnya menutup aurat bagi wanita dan mengerjakan solat Jumaat bagi lelaki. Namun proses ini berlaku pada skala yang kecil dan secara beransur-ansur serta mengambil masa yang panjang. Melalui nasihat dan teguran yang baik daripada pendakwah dapat menggalakkan penerimaan terhadap mesej yang disampaikan untuk menjadi norma dalam masyarakat ini. Sehubungan dengan itu, menurut Mazzlida, Salbiah & Ruhizan (2016) jalinan di antara unsur *ruhiyyah* berbentuk amalan rohani dengan budaya dan persekitaran sosial masyarakat Orang Asli dapat merangsang perubahan mereka untuk mempelajari ilmu pengetahuan yang lebih seimbang dan komprehensif. Justeru, peneguhan nilai *ruhiyyah* dalam diri Orang Asli dapat mengawasi mereka daripada mengamalkan budaya yang bertentangan dengan syariat Islam.

Di samping itu, PK 9 menyatakan bahawa pendekatan memahami tingkah laku negatif masyarakat Orang Asli perlu diketahui oleh setiap pendakwah sebagai langkah mengelakkan pendakwah daripada merasa lemah semangat dan mudah kecewa. Beliau mengatakan sifat tidak berterima kasih dan tidak menghargai orang lain merupakan antara ciri-ciri sikap dan budaya yang ada pada masyarakat Orang Asli. Oleh itu, menurut beliau lagi pendakwah tidak seharusnya berkecil hati dengan tingkah laku seperti ini di samping ia mendorong rasa ikhlas pendakwah untuk melakukan dakwah tanpa mengharapkan sebarang balasan daripada manusia.

5. Kesimpulan

Pendakwah merupakan individu yang berperanan penting dalam proses mengajak dan menyampaikan komunikasi tentang ajaran Islam. Segenap aspek yang ada pada diri seseorang pendakwah secara tidak langsung membawa mesej yang menggambarkan imej agama Islam. Begitu juga aktiviti-aktiviti pendakwah yang dilakukan terhadap masyarakat Orang Asli. Oleh itu, tugas berdakwah sama ada secara individu atau pun kelompok memerlukan kemahiran komunikasi serta pendekatan yang terancang dan tersusun agar dapat membantu pendakwah merealisasikan matlamat dakwah. Persiapan rapi dan penguasaan pelbagai ilmu pengetahuan bagi seseorang yang

bergelar pendakwah sangat penting untuk menanamkan keyakinan sasaran terhadap ajaran Islam. Sehubungan dengan itu, pendakwah memerlukan kemahiran-kemahiran seperti komunikasi, metodologi, psikologi dan strategi penyampaian dakwah yang seharusnya memberi kesan positif terhadap sasaran dakwah. Malah, dengan adanya kemahiran berkomunikasi sebagai salah satu strategi dakwah, penyampaian mesej dakwah mampu difahami dan diamalkan oleh golongan sasaran secara rela hati tanpa rasa dipaksa.

Dalam konteks berdakwah kepada masyarakat Orang Asli, para pendakwah perlu berhadapan dengan kelompok sasaran ini memandangkan mereka berasal dari pelbagai latar belakang, kepercayaan dan taraf pendidikan. Keadaan ini menunjukkan bahawa tumpuan terhadap metodologi penyampaian, teknik persembahan dan bahan dakwah memerlukan perancangan yang lebih strategik dan berkesan. Oleh yang demikian, kemahiran pemujukan dalam komunikasi pendakwah dapat mempengaruhi sasaran dakwah iaitu memberi kesan terhadap pelaksanaan ajaran yang dianjurkan di atas kerelaan sendiri tanpa rasa terpaksa. Ini dapat dilihat melalui autoriti dan kredibiliti pendakwah itu sendiri. Perkara tersebut tertumpu kepada aspek ilmu pengetahuan, amal ibadah dan akhlak mulia. Manakala, strategi daripada sudut Orang Asli ialah berkenaan aplikasi perubahan yang berlaku dalam diri mereka. Ini melibatkan elemen-elemen akal, emosi dan tingkahlaku yang membentuk perbuatan seseorang.

Penghargaan

Artikel ini adalah sebahagian daripada hasil penyelidikan Geran Galakan Penyelidik Muda (Kod: GGPM-2016-051) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Rujukan

- Ab. Aziz Mohd Zin. 2001. *Metodologi Dakwah*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Ab. Aziz. Mohd Zin & Ahmad Redzuwan Mohd Yunus. 2006. Dakwah Masyarakat Orang Asli di Negeri Pahang: Masalah Pendakwah. *Islamiyyat* 28: 163-183.
- Abdul Ghafar Don. 2014. Masyarakat Orang Asli Muslim Malaysia: senario dan realiti kefahaman dan penghayatan Islam. *Kertas Kerja Seminar Antarabangsa Dakwah & Etnik*. Bandar Baru Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdull Sukor Shaari, Nuraini Yusoff, Mohd Izam Ghazali & Mohd Hasani Dali. 2011. Kanak-Kanak Minoriti Orang Asli di Malaysia: Menggapai Literasi Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 1(2): 59-70.
- Abdullah Hassan. 2007. *Teori dan Teknik Moden Mendorong Perubahan Tingkah Laku: Berdakwah Dengan Efektif*. Kuala Lumpur: PTS Publications & Distributions.
- Achmad Mubarak. 1999. *Psikologi Dakwah*. Jakarta: Penerbit Pustaka Firdaus.
- Ahmad Redzuwan Mohd Yunus. 2008. *Dakwah Masyarakat Orang Asli Negeri Pahang*. Shah Alam: Penerbit Karisma Publications.
- Aisyah Jami'an. 2013. Program Dakwah dan Peningkatan Kualiti Hidup Saudara Baru Orang Asli di Gombak Selangor. Tesis. Dr. Fal. Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Arifin, H. M. 1977. *Psikologi Da'wah: Suatu Pengantar Studi*. Jakarta: Bulan Bintang.
- Aristotal. 2014. *Rhetoric*. Roberts, W. R. South Australia: ebooks@Adelaide.
- Azlina Kamaruddin. 2015. *Komunikasi dan Seni Pemujukan*. Sintok: Penerbit UUM Press.
- Bettinghaus, E. Paul. 1980. *Persuasive Communication*. United State: Library of Congress.
- Borg, J. 2010. *Persuasion: The Art of Influencing People*. Britain: Pearson.
- Fathollahi, I. & Kamely, I. 2012. Persuasion Process in Quran. *International Reasearch Journal of Applied and Basic Sciences* (3): 2657-2666.
- Gass, R. H. & Seiter, J. S. 2011. *Persuasion, Social Influence and Complainece Gaining*. United States: Pearson Education, Inc.
- Hovland, C. I., Janis, I. L., & Kelley, H. H. 1953. *Communication and persuasion; psychological studies of opinion change*. New Haven, CT, US: Yale University Press.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. 2015. *Data Pengislaman Masyarakat Orang Asli di Malaysia*. Bahagian Dakwah (Orang Asli), JAKIM.
- Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA). 2014. *Data Maklumat Asas*. Bahagian Perancangan dan Penyelidik. JAKOA.
- Jamilah Mohd Zain & Engku Ahmad Zaki. 2017. Aktiviti Dakwah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) terhadap masyarakat Orang Asli: Pelaksanaan dan cabarannya. *Malaysian Journal For Islamic Studies* 1(1): 45-61.
- Khairiah A. Rahman. 2016. Dialogue and Persuasion in The Islamic Tradition: Implications for Journalism. *Global Media Journal* 9(2): 9-26.
- Kruger, F. 2016. Attitude change through understanding (cognition) of the influence of the persuasive language of liturgy. *Theological Studies* 72(2):1-11.
- Mazzlida Mat Deli, Salbiah Mohamed Salleh & Ruhizan Mohammad Yasin. 2016. Integrasi Ruhiah dan Ekologi Budaya dalam Pendidikan Orang Asli di Malaysia. *Prosiding Persidangan Pementapan Citra Kenegaraan 4 (COSNA 4)*, hlm. 568-575.
- Mohd Rosdi Saamah & Aminuddin Mohamed. 2009. Kelas Dewasa Ibu Bapa Murid Orang Asli dan Peribumi (KEDAP): Satu Tinjaun. Kertas Kerja Konvensyen Pedagogi Bahasa Melayu Serantau. Anjuran IPGM Kampus Bahasa Melayu, Kuala Lumpur. 3-5 November.
- Mohd Zain Mubarak, Asyraf Ab. Rahman & Mohd Rafi Yaacob. 2015. Elemen Kerohanian dalam Keusahawanan Islam: Kajian Terhadap Usahawan Berjaya di Negeri Kelantan. *Journal of Business and Social Development*. 3(1): 43-53.
- Nor Damia Husna Nor Sad. 2017. Komunikasi Bahasa Pendakwah Masyarakat Orang Asli. Disertasi Ijazah Sarjana Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Petty, R. E. & Brinol, P. 2008. Psychological Processes Underlying Persuasion A Social Psychological Approach. *SAGE Journals* 55(1): 52-67.
- Ramle Abdullah. 2015. Cabaran Orang Asli. Kertas Kerja Persidangan Pembangunan Insan Pemimpin Masyarakat Orang Asli, Anjuran Pertubuhan Kebijakan Islam Malaysia (PERKIM). Negeri Sembilan, 7-9 November.
- Razaleigh Muhamat @ Kawangit. 2014. Dakwah kepada Muallaf Orang Asli: Tanggungjawab dan Peranan PERKIM Pahang. <https://www.researchgate.net>. 1-14 (Diakses pada 1 Julai 2018)
- Razaleigh Muhamat @ Kawangit, Abdul Ghafar Don & Anuar Puteh. 2013. Communication of Orang Asli Muallaf with Their Malay Counterparts. *Al-Hikmah* 5(5): 116-133.

- Samsuddin A. Rahim. 1993. *Komunikasi Asas*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siff, J. B., & Mongeau, P. A. 2016. *Persuaive communication* (3rd ed). New York: Guilford Press.
- Smith, M. J. 1982. *Persuasion and Human Action*. Belmont: Wadsworth.
- Suriani Sudi, Fariza Md Sham & Phayilah Yama. 2017. Kecerdasan Spritual Menurut Hadis. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*. Vol. 2, No. 2, pp. 1-11.
- Trenholm, Sarah. 1989. *Persuasion and social influence*. Englewood Cliffs, N.J.: Prentice Hall.
- Wan Afizi Wan Hanafi, Shahrudin Ahmad & Noraziah Ali. 2014. Faktor Budaya dan Persekitaran dalam Prestasi Pendidikan Anak Orang Asli Malaysia: Kajian Kes di Kelantan. *Malaysian Journal of Society and Space* 10(5): 107-122.
- Zaydan, ʿAbd al-Karīm. 1976. *Uṣūl al-Daʿwah*. Baghdad: Dār al-Bayan.
- Zulkefli Aini & S.Salahuddin Suyurno. 2016. *Pengantar Komunikasi Dakwah*. Bangi: Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zulkefli Aini, Faiz Abdul Rahim & Nur Damia Husna Nor Sad. 2018. Aplikasi Kemahiran Komunikasi Dakwah Kepada Masyarakat Orang Asli. dalam Abdul Ghafar Don, Aniza Ismail & Zulkefli Aini, *Pemeriksaan Kesejahteraan Hidup Orang Asli Di Malaysia*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Biografi Pengarang

Zulkefli Aini, mendapat pendidikan peringkat ijazah Sarjana Muda (B.IRKH) (kepujian) di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dalam bidang Fiqh wa Usul (major) dan Psikologi (minor), peringkat Sarjana (Sarjana Pengajian Islam) di Universiti Kebangsaan Malaysia dalam bidang Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, khusus dalam bidang Komunikasi Dakwah. Manakala peringkat ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) di Universiti Malaya dalam bidang Dakwah dan Tasawwuf Alam Melayu. Sekarang merupakan Pensyarah Kanan Program Pengajian Dakwah dan Kepimpinan Fakulti Pengajian Islam UKM. Bidang kepakaran ialah Dakwah dan Komunikasi Insan, Dakwah dan Masyarakat Orang Asli/Peribumi, serta Dakwah dan Kepimpinan Perspektif Islam.